

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH  
[SRI GADING]**

**SOALAN**

**DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH [ SRI GADING ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memperkasa platform digital dalam industri pertanian.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mengatur pelbagai strategi bagi memperkasa platform digital dalam industri pertanian dengan menyasarkan penggunaannya di sepanjang rantai hasil pertanian. Antara strategi tersebut adalah menyediakan platform e-dagang untuk usahawan yang dibangunkan oleh MAFI sendiri, menyediakan *market place* untuk usahawan kecil dalam platform e-dagang swasta, pembangunan aplikasi berdasarkan *blockchain*, mengadakan kolaborasi bersama syarikat e-dagang, serta memberikan latihan dan kursus untuk peningkatan kapasiti usahawan.

Platform Agrobazaar Online yang boleh diakses melalui [www.agrobazaar.com.my](http://www.agrobazaar.com.my) telah dibangunkan pada tahun 2016 untuk memberi alternatif pasaran kepada usahawan serta mendidik mereka melaksanakan jualan melalui platform e-dagang. Menyedari kepentingn platform ini sebagai *training ground* kepada usahawan untuk memulakan pemasaran secara digital, platform ini telah ditambahbaik pada tahun 2021. Sehingga 30 September 2021, seramai 6,209 orang usahawan telah berdaftar di platform ini yang memasarkan sebanyak 21,059 SKU dengan nilai jualan sebanyak RM1.3 juta.

Selain itu, MAFI juga mengadakan kerjasama strategik dengan platform e-dagang swasta untuk mempromosi hasil pertanian dan produk industri makanan. Antara program yang dilaksanakan adalah program *market place* Agrobazaar Malaysia dan *microsite* eFAMAPLACE di platform Shopee, program *Shop Malaysia Online* bersama *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC) dan LAZADA, program penerokaan ruang pasaran harumanis ke Sabah bersama *AirAsia Farm*, program Nat Perlis iaitu program kerjasama FAMA dengan Kerajaan Negeri Perlis dan Shopee serta program pendigitalan di Pasar Tani, Pasar Tani Kekal dan MyFarm Outlet menerusi *aplikasi Mukmin Mart*.

Secara keseluruhan, usaha-usaha ini telah memberi manfaat kepada lebih dari 12,087 orang usahawan agromakanan dengan nilai jualan mencecah RM71.21 juta bagi tempoh Januari 2021 hingga September 2021.

Pada masa yang sama, MAFI juga memberikan sokongan dengan menjalinkan kerjasama strategik bersama syarikat yang berminat membangunkan aplikasi digital khusus untuk produk pertanian. Antaranya termasuklah dengan AirAsia yang telah membangunkan platform *AirAsia Farm*, e-Agro iaitu platform pemasaran input pertanian, Smart Tradtz dan syarikat *Advanced Cell Net* yang akan membangunkan platform *My Digital Export*.

Selain penggunaan platform digital dalam aktiviti pemasaran, penggunaan platform digital juga dibangunkan dalam aspek penyaluran perkhidmatan dan pendaftaran usahawan melalui aplikasi Sistem Agro Industri Makanan (e-AGRIM) serta padanan pengeluar dan pembeli dengan mengaplikasikan teknologi *blockchain* menerusi platform AGROFUN. Penggunaan modul-modul spesifik dalam aplikasi-aplikasi ini akan dapat memastikan pengurusan perniagaan usahawan pertanian dapat dilakukan secara cekap dan berkesan.

Bagi menjamin kelestarian usahawan pertanian dalam penggunaan aplikasi digital, MAFI turut menganjurkan program berbentuk latihan dan kursus kepada usahawan untuk meningkatkan kapasiti pasaran dan produk mereka. Antara program yang dilaksanakan termasuklah Program Pendigitalan Pemasaran Melalui Media Sosial seperti youtube, facebook, instagram, whatsapp dan tiktok, Program Pendigitalan Pemasaran Melalui *Marketplace* seperti Lazada dan Shopee, Program Pendigitalan Melalui Automasi Pemasaran seperti *messenger*, *email marketing* dan *chatbox* serta program peningkatan kemahiran digital usahawan menerusi modul *Digital Zone Apprentice* (DZA).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA,  
PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH  
[ SRI GADING ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk membendung gangguan rantaian bekalan dalam kalangan perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah mengambil beberapa inisiatif untuk membendung gangguan rantaian bekalan yang melibatkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) sewaktu pandemik COVID-19. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) ***Glocal SME Development Programme (GLOSMEP) oleh SME Corp. Malaysia***

Di bawah program ini, usahawan akan berpeluang untuk memasarkan produk dan perkhidmatan kepada syarikat bersaiz besar dalam dan di luar negara. Sehingga 31 Oktober 2021, seramai 548 usahawan telah menyertai sesi padanan perniagaan melalui MatchMe dengan penglibatan 59 syarikat anchor. Sebanyak 160 sesi padanan telah berjaya dilaksanakan dengan potensi jualan sebanyak RM24.7 juta.

(ii) **Program Pembiayaan Dana Rantaian Bekalan Bumiputera oleh SME Bank**

Program ini bertujuan untuk menyediakan bantuan kewangan kepada PMKS Bumiputera dalam rantaian bekalan bagi sektor borong dan runcit. Program yang dilaksanakan dengan kerjasama TERAJU, menyediakan dana pembiayaan keseluruhan berjumlah RM100 juta.

Sehingga 31 Oktober 2021, SME Bank telah menerima 6 permohonan dengan nilai sebanyak RM19.6 juta dan telah meluluskan 4 permohonan dengan nilai sebanyak RM12.64 juta.

(iii) **Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi [Supply Chain Empowerment for Co-Operatives (SCOPE)] oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)**

SKM telah melaksanakan program untuk mengukuh dan memantapkan rantaian bekalan melalui pembangunan Pusat Pengedaran (DC) dan Sub-Pusat Pengedaran (Sub-DC) baharu serta menaik taraf DC dan Sub-DC sedia ada.

Pelaksanaan program ini dapat mengukuhkan lagi sumber bekalan barang keperluan harian serta memperkasakan perkhidmatan logistik supaya bekalan dapat dihantar kepada pusat pengedaran untuk memenuhi permintaan PMKS, operator koperasi dan penduduk setempat.

Sehingga 31 Oktober 2021, sebanyak 12 Koperasi telah diluluskan peruntukan berjumlah RM2 juta untuk membangunkan 9 pusat pengedaran baharu dan menaik taraf 4 pusat pengedaran koperasi yang sedia ada.

(iv) **Program Kelestarian Rantaian Bekalan Makanan oleh SKM**

Program ini dilaksanakan di bawah kerjasama MEDAC dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang bertujuan untuk memperkasakan rantaian bekalan menerusi gerakan koperasi melalui 3 strategi iaitu:

- mengukuhkan pengoperasian outlet jualan;
- memantapkan pusat pengedaran dan pusat pengumpulan koperasi; dan
- menjadi pembekal barang makanan secara konsisten.

Selain itu, terdapat 3 projek rintis yang dilaksanakan di bawah program ini iaitu:

- Kerjasama strategik antara FAMA dan SKM bagi perkongsian fasiliti, akses pasaran (*platform online*) dan pemasaran produk-produk koperasi;
- Koperasi Pertanian dan Pemasaran Malaysia Berhad (KPPMB) – projek pembekalan sayur dari Cameron Highlands; dan
- Koperasi Nelayan Negeri Terengganu Berhad – projek pembekalan ikan dari Terengganu.

(v) **Akses Pasaran Melalui Platform E-Dagang**

- **ODELA (sebutan : Order La)** di bawah **SME Bank** dalam **membantu pelanggan-pelanggan PKS SME Bank** untuk memasarkan produk-produk dan

perkhidmatan mereka. Setakat Oktober 2021, sejumlah **1,108 syarikat PKS** telah **berdaftar sebagai pembeli dan pedagang** di atas platform e-dagang ini.

- **Pybli (sebutan : Pi Beli)** di bawah **Pernas** di mana ketika ini telah mempunyai **478 usahawan** yang telah berdaftar, dengan jumlah *Stock Keeping Unit* (SKU) sebanyak **696 produk**; dan
  - **Angsana Virtual Mall (AVM)** di bawah **UDA Holdings** yang merupakan platform dalam talian yang merangkumi peniaga-peniaga di Pusat Membeli-belah di bawah UDA, seperti Angsana Johor Bahru, Angsana Ipoh, Angsana Seremban, Pertama Complex, UTC KL @Pudu Sentral dan Hentian Duta.
2. Dalam pada masa yang sama, Kementerian akan terus melaksanakan program-program pembangunan keusahawanan yang holistik dalam memastikan kelestarian rantai bekalan.

Sekian, terima kasih.